

1981

KUALA LUMPUR, 2 NOV (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENYANGKAL DAKWAAN PEMBANGKANG KONONNYA KERAJAAN MEMBERI PERUNTUKAN WANG KEPADA AHLI-AHLI PARLIMEN TERTENTU UNTUK MELAKSANAKAN PROJEK-PROJEK KECIL.

PERUNTUKAN SEDEMikian HANYA DIBERIKAN KEPADA PEGAWAI-PEGAWAI DAERAH MELALUI PEGAWAI-PEGAWAI KEMAJUAN NEGERI, DAN KEPADA KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN, KATA BELIAU.

BELIAU MEMBERITAHU DEWAN RAKYAT HARI INI AHLI-AHLI PARLIMEN TERMASUK DARI PIHAK PEMBANGKANG HANYA MENGEMUKAKAN CADANGAN-CADANGAN PROJEK BAGI KAWASAN MASING-MASING UNTUK PERTIMBANGAN KERAJAAN.

MENJAWAB ENCIK CHIAN HENG KAI (DAP-BATU GAJAH), PERDANA MENTERI BERKATA HANYA CADANGAN YANG DIFIKIRKAN DAPAT MEMBERI FAEDAH KEPADA RAKYAT SAHAJA DIPERTIMBANGKAN. -- BERSAMBUNG 1620/SZ

B569

PARLIMEN-PERUNTUKAN 2 KUALA LUMPUR

MENJAWAB SOALAN TAMBAHAN AHLI PEMBANGKANG ITU, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PERUNTUKAN ITU BUKANNYA PEMBERIAN PERIBADI KEPADA SESIAPA TETAPI DIBERIKAN JIKA PERMINTAAN BAGINYA DIKE-TAHUI ADALAH UNTUK KEBAIKAN RAKYAT.

PERDANA MENTERI BERKATA TERPULANGLAH KEPADA KERAJAAN UNTUK MELAKSANAKAN ATAU TIDAK MANA-MANA PROJEK CADANGAN WAKIL RAKYAT DARI PIHAK PEMBANGKANG.

TERHADAP SYOR DATUK HAJI YUSOF MALIM KUNING (BN-PANTI), AGAR HAD MAKSIMA PERUNTUKAN ITU DINAikkan DARI \$200,000 SEKARANG KEPADA \$300,000, PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN MUNGKIN MENAM-BAHNYA BILA WANG CUKUP.

MENJAWAB ENCIK LIM KIT SIANG, (DAP-PETALING) DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA HAD MAKSIMA \$200,000 BAGI PERUNTUKAN ITU DITETAPKAN HANYA SEBAGAI PANDUAN KERANA TANPA PANDUAN ITU KERAJAAN TIDAK BOLEH MENIMBANGKAN CADANGAN-CADANGAN PROJEK ITU.

MENJAWAB ENCIK HASHIM ENDUT (BN-ULU MUDA), PERDANA MENTERI MENGAJUI ADA PERUNTUKAN BAGI PROJEK-PROJEK KECIL DIBERIKAN KEPADA KAWASAN-KAWASAN PEMBANGKANG DAN INI MENUNJUKKAN KEA-TALAN KERAJAAN. -- BERNAMA 1622/SZ